

Akademika

Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Journal of Social Science and Humanities

Bilangan
Number **51**

ISSN 0126-5008

Julai
July **1997**

Masyarakat Minoriti Idahan dan Ekologi Sarang Burung: Pengaruh
Sistem Kekerabatan dalam Pengurusan Alam Sekitar / 3
MOHAMED YUSOFF ISMAIL

Nasionalisme dalam Pembentukan Sebuah Negara Persekutuan: Suatu
Wacana Teoretikal Berdasarkan Pengalaman Malaysia / 23
VEJAI BALASUBRAMANIAM

Teknologi Warna Alam Melayu / 53
CHE HUSNA AZHARI

Hujan Asid dan Implikasinya Terhadap Kesihatan / 65
ZAILINA HASHIM
SHAIRAH ZAKARIA
AZMAN ZAINAL ABIDIN
LIM SZE FOOK

Cultural Constructions of Abortion / 77
SITI FATHILAH KAMALUDDIN

Masyarakat Minoriti Idahan dan Ekologi Sarang Burung: Pengaruh Sistem Kekerabatan dalam Pengurusan Alam Sekitar

MOHAMED YUSOFF ISMAIL

ABSTRAK

Golongan minoriti etnik, seperti orang Idahan di Sabah, biasanya mempunyai budaya hidup yang mesra dengan alam. Cara mereka mengurus sumber semula jadi membuktikan bahawa mereka mempunyai pengetahuan mendalam terhadap sistem ekologi yang menampung sebahagian daripada kehidupan ekonomi mereka. Bagi memastikan bahawa spesies burung yang menghasilkan sarang yang boleh dimakan tidak pupus, satu bentuk kawalan sosial telah diwujudkan bagi menghadkan penuaian sarang burung, sementara hak menuai digilir-gilirkan di antara jurai kekerabatan. Kawalan sosial itu meletakkan gua sarang burung di bawah milik bersama komuniti Idahan bagi membolehkan penuaian dijalankan dengan cara yang sederhana dan sistematis supaya sumber tersebut berterusan dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

ABSTRACT

Ethnic minority groups, like the Idahans of Sabah, seem to have better rapport with nature. Their traditional method of natural resource management reflects their profound knowledge of the ecological system that has sustained part of their traditional economy. To ensure the survival of the swiftlet species which produces the edible nests, the Idahans have developed a social mechanism to control access to nesting chambers. Harvesting rights are rotated among lineage groups instead of privately owned. This method of social control ensures that harvesting is done moderately and systematically, thereby guaranteeing the sustainability of the resources for the benefit of future generations.

PENGENALAN

Sebentar kemudian Siod Rapat pun berkata, "Saudaraku, ingatlah akan bukit ini. Madai namanya. Satu hari nanti kamu dan anak cucu kamu akan beroleh kekayaan daripada tempat ini." Gomorid seperti biasa menjawab, "Baiklah." Seketika kemudian mereka meneruskan lagi pemburuan tetapi tiada sebarang hasil diperolehi. Siod Rapat berhenti di atas Bukit Baturong sambil menunggu saudaranya yang sudah jauh tertinggal di belakang. Apabila saudaranya sampai, Siod Rapat berkata sekali lagi, "Saudaraku,

ingatlah juga akan bukit ini. Baturong namanya. Pada masa hadapan, kamu dan anak cucu kamu akan beroleh kekayaan daripada tempat ini." Seperti sebelumnya juga, Gomorid menjawab, "Baiklah." Mereka mengejar lagi rusa emas itu. Kedua-dua beradik akhirnya keletihan. Mereka pun berehat di atas Bukit Tapadong. Di sini, seperti juga di atas Bukit Madai dan Bukit Baturong, Siod Rapat berkata kepada Gomorid supaya mengingati akan nama bukit tersebut, iaitu Tapadong. Gomorid, seperti sebelumnya juga menjawab "Baiklah." (Orolfo 1961)

Petikan di atas memerihalkan bagaimana terbentuknya asas pertalian di antara orang Idahan dengan kegiatan menuai sarang burung yang boleh dimakan. Semenjak zaman nenek moyang mereka, sumber asli itu terpelihara dengan baiknya kerana kepekaan orang Idahan dalam pengurusan alam sekitar dan ekologi pembiakan burung yang menghasilkan sarang tersebut. Penggunaan pengetahuan pribumi dalam pengurusan sumber semula jadi merupakan salah satu daripada faktor utama yang membantu dalam mengekalkan kelangsungan beberapa masyarakat yang mengamalkan sistem ekonomi meramu. Biasanya masyarakat seperti ini kecil bilangannya, serta terpinggir daripada arus perdana masyarakat dominan. Satu perkara yang agak menarik tentang kebanyakan masyarakat tersebut ialah ahlinya hidup dalam keadaan yang mesra dengan alam kerana mereka memahami dengan jelas perjalanan alam sekitar yang menjadi sebahagian penting daripada kehidupan seharian mereka. Semenjak berzaman lagi mereka telah mengumpul satu khazanah pengetahuan tentang alam sekitar, terutama sekali pengetahuan yang berkaitan dengan sesuatu sumber ekonomi semula jadi. Melalui pengetahuan tersebut mereka berjaya menggunakan sumber tersebut dengan sebaik mungkin tanpa menjejaskan kelestariannya.

Biasanya apabila sumber semula jadi wujud dalam keadaan yang terhad dan mudah menghadapi kepupusan, masyarakat tradisional akan mewujudkan beberapa mekanisme kawalan sosial bagi melindungi sumber tersebut. Tujuannya ialah mewujudkan keseimbangan di antara kehendak sosial dan budaya manusia dengan kemampuan dan keterbatasan alam semula jadi.

Sistem kekerabatan misalnya, adalah salah satu daripada institusi sosial yang biasa digunakan sebagai asas kepada kawalan sosial, terutama sekali di kalangan masyarakat kecil dan pinggir. Dalam masyarakat seperti ini jaringan kekerabatan sangat menyeluruh dan berkesan kerana sifat demografis ahlinya yang tidak begitu besar jumlahnya. Jika sesuatu sumber semula jadi itu dianggap sebagai milik sepunya seluruh masyarakat yang bergerak sebagai satu kumpulan kekerabatan yang bersepadu, maka sumber tersebut bukan sahaja dapat diagihkan dengan lebih saksama di kalangan ahlinya, tetapi juga dapat dilindungi daripada pengeksploitasian yang terlalu rakus sehingga menjejaskan kelestariannya. Kawalan sosial yang diterapkan melalui mekanisme kekerabatan kadangkala juga menggabungkan dan diperkuatkan lagi dengan elemen daripada sistem kepercayaan tempatan, sekaligus

memberikan pewajaran sosial kepada amalan spiritual dan kudus dalam kegiatan yang pada zahirnya kelihatan seperti kegiatan ekonomi seharian.

Rencana ini membincangkan secara ringkas bagaimana prinsip kekerabatan mempengaruhi pengurusan alam sekitar dan pengagihan sumber semula jadi dalam sebuah komuniti minoriti etnik di Sabah. Sumber ekonomi tersebut ialah sarang burung yang boleh dimakan. Di kalangan orang Idahan, keberkaitan seseorang dari segi hubungan kekerabatan dengan sesuatu jurai (*lineage*) menentukan haknya ke atas hasil tuaian sarang burung.

Orang Idahan telah lama terlibat dengan kegiatan mengutip sarang burung yang boleh dimakan, yang terdapat dalam beberapa buah gua di pantai timur Sabah, terutama sekali di sekitar Lahad Datu. Kegiatan mereka dalam ekonomi sarang burung sebenarnya menjadi salah satu daripada tanda pengenalan orang Idahan sebagai kumpulan etnik yang berbeza daripada kumpulan etnik lain. Walaupun orang Idahan beragama Islam, mereka mempunyai sistem sosial yang agak tertutup, terutama sekali dari segi amalan perkahwinan, yang lebih bersifat *endogamous*. Selain itu orang Idahan menetap di beberapa buah kampung yang khusus untuk orang Idahan sahaja.

Gua Madai, tempat kajian ini dilakukan, adalah salah satu daripada empat kawasan gua batu kapur yang menjadi tempat membiak sejenis burung lelayang yang menghasilkan sarang yang boleh dimakan. Sejak turun temurun hak untuk memungut sarang burung menjadi milik orang Idahan secara eksklusif serta diiktiraf oleh pihak pemerintah. Orang Idahanlah yang bertanggungjawab memastikan penuaian sarang burung dilakukan secara sistematis bagi menjamin bahawa bakanya tidak pupus. Beberapa peraturan berkenaan dengan tatacara memungut sarang burung telah digubal oleh orang Idahan, lengkap dengan pantang larangnya terutama sekali terhadap roh nenek moyang. Misalnya, sarang burung hanya boleh dituai pada musim yang telah ditetapkan, iaitu setelah anak burung yang menetas itu sudah terbang dan mengosongkan sarang.

Di kalangan orang Idahan juga terdapat peraturan berkenaan dengan pembahagian hak untuk mengutip sarang burung. Lubang gua yang menghasilkan sarang burung tidak menjadi milik sesiapa secara berkekalan, tetapi hak untuk mengutip sarang burung daripada setiap lubang gua digilir-gilirkan di antara beberapa jurai kekerabatan. Amalan bergilir-gilir ini, yang dipatuhi semenjak dari zaman nenek moyang mereka lagi, membolehkan hak penuaian dikawal dan ditentukan pada peringkat komuniti dengan berpandukan prinsip kekerabatan dan keturunan.

PERNIAGAAN DAN EKONOMI SARANG BURUNG

Sarang burung yang boleh dimakan diperolehi daripada gua batu kapur yang terdapat di sekitar Lahad Datu. Sarang burung menjadi barangan perniagaan utama semenjak kurun ke-15 atau mungkin sebelum itu lagi. Saudagar dari negeri China sering datang ke rantau ini untuk mendapatkan sarang burung

melalui perniagaan tukar barang, terutama sekali barangan tembikar (Harrisson & Harrisson 1970).

Sarang burung mungkin pertama kali digunakan oleh orang China dalam zaman Dinasti Ming (1368-1644) sebagai bahan perubatan yang boleh menyembuh hampir semua jenis penyakit – “daripada merawat kulit muka, hinggalah kepada mengubati penyakit selsema; menawarkan racun dan bisa dalam badan, serta membantu penghazaman. Sarang burung juga disyorkan untuk mereka yang menghadapi masalah pernafasan seperti lelah, batuk kering, bronkaitis dan sebagainya” (Tan 1995: 7). Buku perubatan tradisional orang China, *Zhong Yau Da Ci Dian 1978 (Kamus Besar Perubatan China 1978)* ada menyebut bahawa sarang burung sangat mujarab bagi membersihkan darah dan paru-paru. Sarang burung yang dijadikan sejenis sup dipercayai dapat menguatkan anggota badan yang penting di samping melicinkan kulit muka. Orang China juga percaya bahawa sarang burung adalah sejenis ramuan yang dapat memulihkan semula tenaga batin yang lemah. Tanggapan inilah yang mungkin telah menyebabkan harga pasarannya sangat mahal (Smythies 1981: 186). Selain itu dalam majlis keramaian, sarang burung yang telah dijadikan sejenis sup sering dihidangkan sebagai makanan yang berstatus tinggi.

Terdapat dua jenis sarang yang boleh dimakan. Jenis yang lebih mahal harganya ialah “sarang putih” yang keseluruhannya dibuat daripada air liur. Biasanya sarang seperti ini dihasilkan oleh spesies *Collocalia vestita*. Jenis yang satu lagi, dan yang lebih mudah didapati ialah “sarang hitam”. Sarang jenis ini mengandungi bahan asing seperti bulu burung, rumput dan ranting kayu yang kecil-kecil.

Perniagaan yang melibatkan sarang burung merupakan satu kegiatan ekonomi yang sangat menguntungkan kerana harga pasarannya yang sangat tinggi. Dalam bulan September 1995, harga bagi sarang hitam ialah RM893.75 setiap kilogram, sementara harga bagi sarang putih, iaitu jenis yang terbaik, ialah RM4062.50 bagi setiap kilogram. Harga sarang hitam di Hong Kong dalam bulan September 1995 ialah HK\$360 bagi kira-kira 50 gram, sementara sarang yang bermutu lebih tinggi boleh dijual dengan harga sehingga HK\$30,000 sekilogram. Mengikut laporan World Wildlife Fund Organization, Hong Kong adalah pengimport terbesar dunia bagi sarang burung. Nilai perniagaan sarang burung berjumlah HK\$17 juta bagi tahun 1992. Sebahagian besar daripada sarang burung tersebut dieksport semula ke negeri China (Lim 1995: 22).

Sarang burung yang boleh dimakan dihasilkan oleh beberapa spesies burung layang-layang gua daripada famili *Micropodidae*. Spesies yang paling banyak menghasilkan sarang ialah *Collocalia maxima* dan *Collocalia vestita*. Secara khususnya spesies yang membuat sarang dalam gua batu kapur dikenali sebagai layang-layang gua. Di kalangan orang Idahan spesies tersebut dipanggil *kelimpisau*, sementara di Indonesia spesies yang sama dikenali sebagai burung walet.

Sarang burung yang dibuat daripada air liur kering, rupanya seperti agar-agar yang belum dimasak dari segi kekentalannya. Sarang dibina dengan mencantumkan bulu burung yang halus, ranting kayu atau rumput dengan air liur. Sarang tersebut mempunyai ukuran kira-kira 8 cm. panjang, 5 cm. lebar dan 3 cm. tebal. "Sarang ini berbentuk seperti piring yang dibelah dua, dengan bahagian yang leper itu dilekatkan pada dinding gua, dan dikukuhkan dengan dua batang tiang yang tebal yang menjadi penyendal pada permukaan dinding" (Smythies 1981: 187). Sarang dibuat secara berkelompok dalam lubang gua (bahasa Idahan: *pesui*) yang tingginya kira-kira 30 meter dari paras tanah. Jumlah sarang bagi setiap lubang gua bergantung kepada saiz dan juga lokasi lubang tersebut.

Spesies *Collocalia maxima* biasanya mengambil masa kira-kira dua bulan untuk menyiapkan sarangnya. Mengikut pemerhatian, tempoh yang paling cepat untuk menyiapkan sebuah sarang ialah 40 hari. Masa untuk mengeram telur pula ialah 28 hari. Selepas menetas anak burung dijangka boleh terbang dalam masa kira-kira dua bulan. Jika dihitung, tempoh pembiakan iaitu dari hari pertama sarang mula dibuat sehingga anak burung boleh terbang, ialah di antara 5 hingga 6 bulan (Smythies 1981: 187).

Penuaian sarang burung dilakukan sebaik sahaja sarang itu dikosongkan oleh anak burung yang sudah matang dan boleh terbang. Sarang yang lewat dikutip dan yang terjatuh ke tanah tidak mempunyai nilai pasaran dan biasanya dibiarkan dimakan tikus, babi hutan dan juga berbagai-bagai jenis serangga yang membiak dalam najis burung yang terkumpul pada lantai gua.

ORANG IDAHAN

Orang Idahan, yang berjumlah di antara 5,000 hingga 6,000 orang, adalah golongan pribumi minoriti yang terdapat di Lahad Datu. Mengikut metos kejadian mereka orang Idahan mengaku bahawa mereka adalah keturunan seorang wira bernama Besai, yang berasal dari Sungai Kinabatangan. Keturunan ketujuh moyang mereka selepas Besai adalah moyang yang sangat penting, kerana merekalah yang mula-mula sekali menuntut hak ke atas penuaian sarang burung. Merekalah yang menjadi pengasas kepada jurai-jurai kekerabatan selanjutnya; anak cucu daripada jurai inilah yang menuntut hak ke atas sarang burung sehingga sekarang.

Moyang tersebut, yang terdiri daripada dua watak, Apoi dan anjing kesayangannya yang sentiasa mengiringinya memburu, bernama Siod Rapat, adalah makhluk pertama yang menemui beberapa buah gua yang menjadi tempat burung layang-layang membiak. Mengikut legenda agung orang Idahan, Apoi dan Siod Rapat telah memburu seekor rusa emas. Dalam perburuan tersebut mereka telah mengikuti jejak rusa itu hingga sampai ke beberapa buah gua yang dipenuhi dengan burung layang-layang yang sedang bersarang. Semenjak dari peristiwa tersebutlah orang Idahan telah membuat tuntutan

bahawa semua sarang burung yang terdapat dalam gua tersebut adalah milik sepunya kaum Idahan kerana mereka adalah keturunan moyang Apoi dan Siod Rapat.

Tuntutan tersebut bermakna bahawa orang Idahan adalah satu-satunya kumpulan etnik yang mempunyai hak turun temurun untuk memungut sarang burung daripada gua berkenaan. Terdapat empat buah gua yang dituntut oleh orang Idahan: Madai, Baturung, Segarong dan Tepadung. Hak tersebut kemudiannya diiktiraf dan disahkan oleh pihak pentadbiran British, *The Chartered Company of North Borneo*, dan selepas merdeka hak tersebut terus dinikmati oleh orang Idahan sehingga hari ini. Pada tahun 1914 satu ordinan, yang dikenali sebagai *The Bird's Nest Ordinance (Sabah Chap. 14)* telah diwartakan. Tujuannya ialah untuk menyelaraskan pemungutan sarang burung serta memberi pengiktirafan kepada orang Idahan sebagai pemilik gua berkenaan. Pada zaman pemerintahan British, sebuah buku pendaftaran telah dibuka bagi mendaftar tuntutan dan giliran menuai sarang burung serta pembahagian hak di kalangan orang Idahan. Jabatan Perhutanan juga mengawasi kegiatan memungut sarang burung selain daripada bertanggung jawab mengutip cukai daripada sarang burung yang dituai. Mengikut anggaran kasar, Gua Madai mengeluarkan hasil berjumlah di antara 1 hingga 1.5 ton metrik setahun.

Orang Idahan tinggal di beberapa buah tempat di sekitar Lahad Datu. Perkampungan mereka yang terbesar ialah Sepagaya, iaitu di luar majlis perbandaran Lahad Datu. Perjalanan dengan kereta dari kampung ini ke Gua Madai mengambil masa kira-kira dua jam setengah. Kebanyakan orang Idahan yang terlibat secara langsung dengan penuaian sarang burung mempunyai rumah kedua di Gua Madai yang dibina di sekitar pintu masuk gua. Rumah kedua ini biasanya dihuni pada musim menuai sahaja. Di luar musim menuai orang Idahan berpindah balik ke rumah utama di kampung masing-masing. Kebanyakannya terlibat dalam berbagai-bagai jenis pekerjaan. Hanya sebilangan kecil orang Idahan yang tinggal terus di kawasan gua untuk menjaga gua daripada dicerobohi.

MEKANISME SOSIAL BAGI MENGAWAL PENUAIAN SARANG BURUNG

Dari segi kekerabatan, orang Idahan mengamalkan sistem keturunan *ambilineal*, iaitu seseorang itu boleh menggalurkan keturunannya sama ada melalui nisab bapa atau nisab ibu. Oleh kerana orang Idahan lebih kerap mengamalkan perkahwinan berbentuk endogami, maka kebiasaannya seseorang itu mempunyai hak menuai yang diwarisi daripada kedua-dua jurai ibu dan bapa. Satu perkara lagi ialah hak ke atas bahagian tersebut tidak akan hilang walaupun seseorang itu, baik lelaki atau perempuan, mengahwini orang yang bukan daripada kaum Idahan.

Hak untuk memungut sarang burung daripada setiap lubang gua atau *pesui* digilir-gilirkan setiap tahun di antara jurai keturunan yang berlainan mengikut prinsip-prinsip kekerabatan yang telah ditetapkan sejak turun temurun. Pendapatan daripada hasil tuaian diagihkan kepada orang yang menjadi ahli mana-mana jurai yang mempunyai hak bersama ke atas lubang gua berkenaan.

Pada tahun berikutnya hak tersebut dipindahkan kepada kumpulan lain yang dianggotai oleh jurai yang berlainan. Jurai dalam kumpulan pada tahun sebelumnya pula akan mendapat hak menuai daripada lubang gua yang lain, serta berkongsi dengan beberapa jurai yang lain pula. Pusingan tersebut akan kembali kepada kumpulan yang sama dalam masa beberapa tahun. Sebenarnya berapa lama giliran ini kembali semula bergantung kepada berapa banyak bilangan kumpulan yang mempunyai hak ke atas lubang gua berkenaan.

Peraturan menggilir-gilirkan hak ke atas sesuatu lubang gua memastikan bahawa pengagihan berlaku secara menyeluruh di samping memastikan bahawa tiada satu lubang gua, terutama yang mengeluarkan hasil yang banyak, terus dimonopoli oleh mana-mana satu kumpulan tahun demi tahun. Dalam hal ini, hak menuai setiap lubang gua itu bukan menjadi milik tetap satu jurai kekerabatan, tetapi hak tersebut hanya boleh dinikmati dalam masa satu tahun sahaja. Contoh giliran menuai lubang gua mengikut tahun dan jurai dapat dilihat daripada Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3. Hak itupun biasanya mesti dikongsi bersama dengan jurai yang lain. Selepas itu hak tersebut mesti dilepaskan kepada kumpulan lain yang terdiri daripada jurai yang berlainan. Pada dasarnya konsep pemilikan di kalangan orang Idahan berhubung dengan sumber sarang burung ditekankan kepada giliran menuai sesuatu lubang gua, bukan kepada konsep bahawa lubang gua itu adalah milik tetap sesuatu jurai atau kumpulan kekerabatan. Oleh itu pemilikan lubang gua bukan hak individu, tetapi menjadi harta sepunya milik orang Idahan secara kolektif. Secara kolektif jugalah hak menuai ditentukan.

Setiap lubang gua itu mempunyai saiz yang berlainan; justeru itu jumlah hasil tuaian yang dapat diturunkan berbeza di antara satu lubang gua dengan lubang yang lain. Namun demikian, dengan adanya peraturan menggilir-gilirkan hak menuai ke atas lubang gua secara tahunan, setiap jurai keturunan mempunyai peluang yang sama untuk menikmati hasil tuaian daripada beberapa lubang gua tanpa mengira berapa besar lubang tersebut dan berapa banyak hasil tuaian yang dapat diturunkan. Terdapat 116 buah lubang gua di kawasan Madai dan beberapa ratus buah lagi di tiga buah gua di Baturung, Segarong dan Tepadung. Bilangan lubang gua yang banyak itu memberikan jaminan bahawa setiap tahun tidak ada satu jurai pun yang tercicir dari segi hak menuai. Bahkan sesuatu jurai itu mungkin mempunyai hak menuai ke atas beberapa buah lubang gua yang berlainan pada tahun yang sama yang dikongsi dengan jurai-jurai lain.

Bahagian yang diterima oleh seseorang bergantung kepada jumlah sebenar keahlian jurai tersebut dan berapa banyak jurai yang mempunyai tuntutan ke

JADUAL 1. Giliran menuai lubang gua (pesui) Lagapong Gaya mengikut tahun dan jurai

| Tahun Pungutan | Ketua Jurai Yang Meninggal Dunia | Nama Pewaris dan Bahagian |
|-----------------------------------------|----------------------------------|----------------------------------------------------------------------|
| 1906, 1910, 1914... 1954, 1958, 1962 | Rajah Tuah | Indak |
| | Datoh Asibi | Datoh Jelilohassan 1/4, Lana 1/4, Dayang Bayanbudiman 1/4, Sukal 1/4 |
| 1907, 1911, 1915... 1955, 1959, 1963 | 1. Balengan | 1. Donop |
| | 2. Pengeran Beranas | 2. Awal Udin |
| | 3. Mot | 3. Mohamed Eusope |
| | 4. Geleh | 4. Mohamed Esah |
| | 5. Pitau | 5. Indal |
| | 6. Sarikon | 6. Jambun |
| | 7. Panglima Saludin | 7. Maloyon 1/2, Tibun 1/2 |
| | 8. Mohamed Esah | 8. Ipat |
| | 9. Dato Halimah | 9. Nawila 1/5, Sapiudin 1/5, Inoh 1/5, Buanda 1/5, Tagi 1/5 |
| | 10. Gaun | 10. Inang 1/3, Pel 1/3, Matega 1/3 |
| | 11. Denuru | 11. Tiran |
| 1908, 1912, 1916... 1956, 1960, 1964 | Rajah Tuah | Indak |
| | Datoh Assibi | Datoh Jelilohassan & lain-lain |
| 1909, 1913, 1917... 1957, 1961, 1965 | Sri Rajah | Sri Rajah Jangga |
| | Hatib Tanbasong Ban | Abdul Kadir Kabang |

atas lubang gua yang sama pada tahun berkenaan. Jika banyak jurai yang menuntut dan setiap jurai mempunyai bilangan ahli yang ramai, maka bahagian sebenar yang akhirnya diterima oleh seseorang itu adalah kecil dari segi nilai wangnya.

Dalam keadaan sekarang bilangan cucu-cicit daripada moyang yang menjadi pengasas sesuatu jurai telah bertambah. Justeru itu bahagian mutlak yang diterima oleh setiap orang adalah kecil, kadang-kadang tidak sampai tiga ringgit, iaitu setelah ditolak segala perbelanjaan membeli peralatan dan upah memungut serta komisen yang diberikan kepada jawatankuasa pengurusan pewaris.

JADUAL 2. Giliran menuai lubang gua (pesui) Agapung Gaya mengikut tahun dan jurai

| Tahun Pungutan | Ketua Jurai Yang Meninggal Dunia | Nama Pewaris dan Bahagian |
|----------------------------------------------------------------|----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1906, 1910, 1914... 1942, 1946, 1950... 1954, 1958, 1962 | Indak | Dayang Sukal 1/4 Dayang Lana 1/24 Dayang Tata 1/24 Dayang Dada 1/24 Datu Mansur 1/24 Dayang Boanda 1/24 Datu Tambuyong 1/24 Intan 1/8 Johan 1/8 |
| | Datu Jelilohassan | Datu Jenurain 1/6 Dayang Tata 1/6 Dayand Dada 1/6 Datu Mansur 1/6 Dayang Boanda 1/6 Datu Tambuyong 1/6 |
| 1907, 1911, 1951... 1943, 1949, 1951... 1955, 1959, 1963 | Mamanco Salam | Akmad 1/4 Mohd. Taip 1/4 Salleh 1/4 Fatima 1/4 |
| | Mohd Amin | Lagtang 1/10, Rita 1/10, Yakob 1/10, Kadil 1/10, Tumbu 1/10, Tubal 1/10, Abduraman 1/10, Idak 1/10, Makupa 1/10, Ahisa 1/10 |
| | Maloyoh Tibun Pel | Tibun Maldana 1/2, Garanah 1/2 Akim 1/6, Mantidai 1/6 Batangan 1/6, Manuakan 1/6, Ambal 1/6, Itai 1/6 |
| 1908, 1912, 1916... 1944, 1948, 1952 1956, 1960, 1964 | Indak | Dayang Sukal 1/4 Dayang Lana 1/24 Dayang Tata 1/24 Dayang Dada 1/24 Datu Mansur 1/24 Dayang Boanda 1/24 Datu Tambuyong 1/24 Intan 1/8 Johan 1/8 |

| Tahun Pungutan | Ketua Jurai Yang Meninggal Dunia | Nama Pewaris dan Bahagian |
|----------------------------------------------------------------|-------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | Datu Jelilohassan | Datu Jenurain 1/6 Dayang Tata 1/6 Dayand Dada 1/6 Datu Mansur 1/6 Dayang Boanda 1/6 Datu Tambuyong 1/6 |
| 1909, 1913, 1917... 1945, 1949, 1953... 1957, 1961, 1965 | Sri Rajah Janggi Abdul Kadir | Sri Rajah Gabag 1/4 Biba 1/4, Salam 1/4 Sisiul 1/4 Diwa Ambun 1/3 Wakital 1/3 Damudian Jaman 1/3 |

JADUAL 3. Giliran menuai lubang gua (pesui) Aturan Balakang, Gagulog Gaya dan Talinga-linga (Madai)

| Tahun | Ketua Jurai |
|------------|--------------------|
| 1956, 1962 | Isah |
| 1957, 1963 | Dayang |
| 1958, 1964 | Jinatong |
| 1959, 1965 | Amban |
| 1960, 1966 | Pangiran Muda Kaya |
| 1961, 1967 | Inda |

Sumber: Buku Daftar Tatasusila Pemilik-Pemilik Madai.

Cara menggilirkan hak menuai ke atas lubang gua merupakan contoh terbaik bagaimana orang Idahan menggunakan prinsip kekerabatan sebagai kawalan sosial ke atas pengagihan dan penjagaan sumber sarang burung. Kawalan sosial itu diasaskan kepada kesepaduan berkelompok yang berpuncadaripada wujudnya kepimpinan tradisional turun temurun orang Idahan. Kepimpinan kelompok diserahkan kepada mereka yang paling tua. Golongan inilah yang mengesahkan tuntutan ke atas setiap lubang gua dan mereka jugalah yang akan menyelesaikan pertelingkahan sekiranya terdapat tuntutan bertindih atau jika berlaku sebarang kekecohan yang berlaku dalam tatacara pembahagian hasil tuaian. Golongan tua sangat dihormati oleh orang Idahan kerana pada merekalah terletak pengetahuan terperinci tentang salasilah keturunan setiap jurai orang Idahan.

Penjagaan sumber sarang burung dilakukan secara kolektif pada peringkat komuniti yang lebih besar. Satu jawatankuasa yang terdiri daripada 15 orang dilantik sebagai badan penyelarar ke atas urusan memungut dan menjaga kebajikan orang Idahan secara keseluruhan. Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pewaris Sarang Burung Madai, Baturung, Segarong dan Tepadung, bertanggungjawab menyelia tatacara menuai serta menetapkan musimnya. Terdapat jawatan ketua pemungut yang bertanggungjawab menyelarar kerja-kerja penuaian yang dilakukan secara berpasukan. Selain itu beliau juga memastikan bahawa kawasan gua tidak dicerobohi oleh pencuri bukan sahaja sewaktu musim menuai, tetapi juga di luar musim menuai. Kerja mengawal ini dilakukan oleh sekumpulan orang Idahan yang digaji khas oleh jawatankuasa pewaris.

MENUAI SARANG BURUNG

Penuaian sarang burung dilakukan oleh tukang pungut yang benar-benar mahir. Beberapa jenis peralatan seperti tali pengimbal, tangga rotan yang boleh digulung dan galah daripada buluh digunakan sebagai alat bantuan dalam kerja memanjat. Usaha memanjat menghendaki pemungut berkerja sebagai satu pasukan. Salah seorang daripada tukang pungut akan mendaki ke satu paras yang lebih tinggi daripada lubang gua. Dari situ ia akan menjuntai tangga rotan dan turun ke lubang gua. Pada ketika turun inilah ia memerlukan bantuan daripada ahli lain dalam pasukannya untuk menjaga supaya tangga yang berjuntai itu tidak menghayun terlalu banyak ke depan dan ke belakang. Untuk memastikan tangga itu tidak bergerak, tali pengimbal dan galah buluh akan digunakan dan kerja ini memerlukan beberapa orang yang betul-betul kuat.

Oleh kerana kerja memungut memerlukan kemahiran khas, kebolehan bekerja pada paras yang tinggi dalam keadaan yang gelap, bukan semua orang Idahan boleh menjadi tukang pungut. Maka wujudlah di kalangan segelintir orang Idahan satu profesion penting sebagai tukang pungut, terutama sekali bagi mendaki lubang gua yang sukar dipanjat.

Kemahiran memanjat dan menuai sarang burung biasanya dipelajari semenjak kecil lagi melalui kaum kerabat terdekat. Mengikut Moody dan Moody (1990: 144) kerja memungut sarang burung adalah:

satu kegiatan yang tidak boleh dilakukan secara perseorangan tanpa pertolongan daripada ahli lain dalam satu pasukan. Ahli yang membantu itu bertanggungjawab memegang tali rotan yang mengimbal tangga, menaik dan menurunkan tangga, serta menghulur ke bawah dan menarik naik bakul menuai dan sebagainya. Justeru itu, kerja menuai adalah satu kerja berpasukan yang melibatkan bapa dan anak, atau adik beradik, dan kadang-kadang juga memerlukan kerjasama erat daripada kaum kerabat dan sahabat handai.

Oleh kerana bilangan mereka yang betul-betul mahir tidak begitu ramai, maka kerja sebagai tukang pungut mendapat ganjaran kewangan yang sangat

lumayan. Kadar upah bergantung kepada tahap kesukaran yang dialami dan bahaya yang dihadapi ketika memanjat ke lubang gua. Bahkan bagi sesetengah lubang gua, tidak ada orang lain yang boleh sampai melainkan kumpulan pemungut tertentu yang sudah biasa dengan cara memanjat ke lubang berkenaan. Keistimewaan ini membolehkan mereka mengenakan upah yang lebih tinggi daripada biasa.

Seorang pemungut boleh mendapat upah di antara RM30 hingga RM50 sehari bergantung kepada tahap kesukaran dan bahaya yang dihadapi oleh mereka. Terdapat beberapa buah lubang gua yang memerlukan peralatan tambahan kerana kedudukannya yang sukar dipanjat. Kos pembelian peralatan tambahan ini dikenakan kepada pihak yang menuntut hak menuai pada tahun berkenaan. Oleh yang demikian sebahagian besar daripada hasil jualan sarang burung yang sudah diturunkan itu terpaksa digunakan untuk membayar kos membeli peralatan tambahan selain daripada membayar upah pemungut yang mempunyai kemahiran khas itu.

Misalnya bagi sebuah lubang gua yang agak sukar dipanjat bernama Tagbatu, jumlah hasil jualan pada musim menuai bulan September 1995 ialah RM12,000. Tetapi setelah dibuat potongan ke atas upah menuai, bayaran peralatan tambahan dan komisen kepada jawatankuasa pewaris, bakinya tinggal RM3,000 sahaja. Baki tersebut dipecahkan kepada lapan bahagian kerana pada tahun tersebut ada lapan jurai yang menuntut hak menuai. Setiap bahagian itu akan diagihkan pula kepada ahli jurai masing-masing. Bagi jurai yang mempunyai ahli yang sedikit bilangannya, habuan yang diterima oleh ahlinya adalah besar tetapi bagi jurai lain yang anggotanya ramai, maka habuan yang diterima oleh ahlinya mungkin tidak sampai RM5.

Sebelum tahun 1995, terdapat dua musim menuai, iaitu *papas*, dari bulan Mac hingga Jun, dan *penango*, dari bulan September hingga November (Moody & Moody 1990: 144). Pada tahun 1995 satu persetujuan telah dicapai di kalangan jawatankuasa pewaris supaya musim menuai ditambah satu lagi kepada tiga, iaitu *papas*, 20 April hingga 5 Mei, *penengah* atau *penango*, 15 Ogos hingga 10 September, dan *ekor*, 15 November hingga 15 Disember.

Wujudnya musim menuai sebanyak tiga kali dalam setahun mungkin disebabkan oleh keperluan untuk memungut sarang burung dengan lebih kerap lagi bagi memenuhi permintaan pasaran yang kian meningkat serta harga pasaran yang semakin naik. Permintaan yang meningkat itu disebabkan oleh berkurangnya bekalan sarang burung daripada sumber lain yang kebanyakannya sudah mulai pupus atau yang mengeluarkan hasil yang berkurangan. Di beberapa bahagian Asia Tenggara, penuaian dilakukan terlalu kerap sehinggalah sarang yang dipungut itu masih mempunyai telur yang belum menetas atau anak burung yang belum penuh bulunya. Justeru itu spesies berkenaan tidak dapat membiak dengan baik; ada juga spesies yang berhijrah ke tempat lain.

Walaupun musim menuai telah ditambah kepada tiga kali setahun, pola pembiakan spesies burung di Gua Madai nampaknya tidak menunjukkan kesan yang negatif. Bahkan terdapat beberapa buah lubang gua yang menunjukkan perolehan hasil tuaian yang bertambah semenjak tempoh menuai tiga musim diperkenalkan. Misalnya sebuah lubang gua bernama Balok Kajong menunjukkan jumlah tuaian yang meningkat, iaitu dari 30 kilogram dalam tahun 1994 kepada 40 kilogram dalam tahun 1995, iaitu setelah sistem menuai tiga musim diperkenalkan.

KEPERCAYAAN DAN PANTANG LARANG MENUAI SARANG BURUNG

Orang Idahan mematuhi beberapa pantang larang berkenaan dengan perlakuan dan tingkah laku sewaktu berada dalam gua, terutama sekali terhadap kuasa *supernatural* dan roh nenek moyang mereka. Pantang larang yang dikenakan itu membantu dalam memastikan bahawa terdapat keadaan yang tertib dan teratur sewaktu penuaian dilakukan, terutama sekali apabila difikirkan bahawa kerja memanjat itu sangat merbahaya dan memerlukan penumpuan yang sangat tinggi sepanjang masa. Justeru itu kerja memanjat bukanlah satu bentuk kegiatan yang diiringi dengan suka ria, gurau senda serta percakapan yang kuat sehingga ke tahap laung melaung. Tugas menuai biasanya dilakukan dalam keadaan senyap; apa-apa percakapan dihadkan kepada perkara yang perlu sahaja.

Gua sarang burung yang terdapat di kawasan Madai pada zaman dahulu telah digunakan sebagai tempat pengkebumian oleh nenek moyang orang Idahan. Terdapat beberapa buah keranda yang masih kelihatan di bahagian-bahagian tertentu gua. Walaupun kini orang Idahan tidak lagi melakukan pengkebumian dalam gua, kawasan gua tetap dianggap sebagai satu kawasan kudus yang harus diberikan penghormatan sewajarnya. Justeru itu segala pantang larang yang berkaitan dengan tatacara memungut sarang burung membayangkan tahap penghormatan kepada roh nenek moyang yang dianggap sebagai penunggu gua.

Pada zaman sebelum Islam, penghormatan kepada roh nenek moyang ditunjukkan dengan memberikan sajian yang terdiri daripada nasi kunyit, ayam putih, pasu tembikar dan kambing. Sajian tersebut mungkin sama seperti yang diperihalkan oleh Harrisson dan Harrisson (1970: 44, 84) berkenaan dengan beberapa ritus penghormatan kepada roh penjaga seperti yang biasa diamalkan di kalangan masyarakat Borneo. Persembahan sajian seperti yang dinyatakan itu tidak lagi dilakukan oleh orang Idahan. Namun demikian mereka tetap menunjukkan rasa hormat terhadap gua sebagai ruang kudus yang dihuni oleh roh nenek moyang mereka. Justeru itu apabila seseorang itu memasuki ruang gua, dia harus menunjukkan sikap dan perlakuan yang berbeza daripada perlakuan biasa.

Ketika memasuki gua, penuai sarang burung biasanya akan meminta izin terlebih dahulu daripada roh nenek moyang dengan menyatakan bahawa mereka adalah anak cucu mereka yang meminta supaya jangan diganggu sewaktu menjalankan kerja-kerja memungut. Perlakuan tersebut merupakan satu pengakuan bahawa ruang gua itu adalah ruang yang kudus dalam skema kepercayaan orang Idahan.

Salah satu daripada pantang larang ketika memasuki gua sarang burung ialah mengelak daripada memakai penutup kepala yang dikenali sebagai *tegawih*, atau *serawang*, iaitu sejenis terendak yang besar yang dibuat daripada daun pandan. Orang Idahan percaya bahawa roh nenek moyang mereka tidak begitu suka dengan orang yang memakai penutup kepala seperti itu.

Seseorang yang memasuki gua juga tidak boleh bercakap dengan menggunakan kata-kata yang lucu dan kasar, serta tidak boleh bertengkar sesama sendiri, atau bercakap dengan nada yang kuat. Kalau mereka perlu bercakap, percakapan harus dilakukan dalam nada yang rendah. Jika sekiranya berlaku pertengkaran mulut antara perkerja sebelum kerja menuai bermula, maka kerja memanjat dan memungut untuk hari itu dibatalkan sehingga esoknya, iaitu apabila keadaan sudah kembali tenteram. Orang Idahan khuatir bahawa pertengkaran yang berlaku itu akan menyinggung perasaan roh nenek moyang mereka yang berada dalam gua.

Selain daripada itu, pekerja akan sentiasa berwaspada terhadap tanda-tanda di sekeliling mereka sewaktu berada dalam gua. Jika sekiranya terdapat tanda-tanda atau kejadian ganjil, kerja-kerja memanjat akan diberhentikan buat seketika untuk memastikan bahawa tiada sebarang bahaya yang menyusul. Satu lagi bentuk pantang larang yang diambil berat ialah jika seseorang itu tiba-tiba bersin sewaktu hendak memasuki gua, maka perlakuan itu dianggap sebagai satu pertanda buruk. Orang itu mesti berpatah balik dan tidak boleh melakukan sebarang kerja menuai pada hari tersebut.

Penggunaan ungkapan yang mempunyai makna berlapis atau penggantian istilah biasa dengan istilah khusus juga diamalkan sewaktu berada dalam gua. Misalnya, jika seseorang itu ingin merujuk kepada perkataan “esok”, maka perkataan itu digantikan dengan istilah lain seperti “lusa”. Jika dia mahu pulang ke rumah, dia tidak boleh mengatakan “saya mahu pulang sekarang”, tetapi mesti menggantikan ungkapan itu dengan “Saya mahu naik ke Bubun Derain”. Pengelakan daripada menggunakan istilah yang biasa digunakan dalam percakapan seharian juga menjadi salah satu daripada amalan yang agak meluas di kalangan penduduk peribumi bukan sahaja di Borneo tetapi juga di kalangan masyarakat lain di dunia Melayu. Perlakuan seperti ini boleh dianggap sebagai perlakuan yang menunjukkan tanda hormat kepada makhluk *supernatural* yang tinggal di sekitar kawasan berkenaan.

Jika berlaku sebarang kematian di kalangan ahli masyarakat Idahan, maka tempoh berkabung daripada bekerja memungut sarang burung ialah dua hari. Jika sekiranya berlaku sebarang kemalangan di sesuatu tempat dalam gua,

misalnya ada orang yang jatuh dari atas lubang gua, maka kerja-kerja memungut di seluruh kawasan gua akan dihentikan untuk selama tiga hari.

Orang Idahan juga percaya bahawa tidak ada sebarang benda yang berada dalam gua boleh diusik atau dibawa keluar kecuali sarang burung. Ini bermakna, baja yang sangat berharga yang terhasil daripada najis burung yang terkumpul semenjak sekian lama itu tidak boleh digali dan dijual walaupun harga pasaran bahan tersebut agak mahal. Pada satu tahap keengganan orang Idahan melombong najis burung merupakan satu kerugian besar dari segi sumber pendapatan yang lumayan, tetapi pada tahap analisis yang lebih lanjut keengganan ini ada huraiannya.

Pertama sekali, najis burung yang terkumpul semenjak turun temurun itu sebenarnya berfungsi untuk menimbus beberapa buah lubang yang dalam. Bahagian lantai gua sekarang kelihatan agak rata dan sama dengan paras tanah kerana lubang yang berbahaya itu ditimbus oleh najis burung semenjak berzaman lagi. Kedua, timbunan najis burung yang begitu tebal itu berfungsi sebagai penyerap hentakan. Jika berlaku sesuatu kemalangan dan seseorang itu terjatuh dari paras yang tinggi ke atas timbunan najis burung, biasanya si mangsa tidak akan mengalami kecederaan teruk.

Lantai gua yang penuh dengan najis burung juga menjadi sarang tikus dan tempat membiak berbagai jenis serangga, yang memakan sarang burung dan najis yang jatuh ke tanah. Orang Idahan yang memasuki gua membiarkan tikus yang berkeliaran itu begitu sahaja kerana mereka sedar bahawa tikus dan serangga adalah sebahagian penting rangkaian ekologi gua tersebut.

Satu lagi pantang larang berhubung dengan gua sarang burung berkait rapat dengan kucing. Orang Idahan yang tinggal di kawasan Gua Madai tidak membela kucing sebagai binatang kesayangan. Bahkan tidak ada seekor kucing pun yang dapat dilihat di sekitar kawasan gua, sedangkan terdapat banyak anjing yang berkeliaran, ini kerana kucing merupakan musuh utama kepada burung yang sedang membiak, terutama sekali pada musim menetas.

BEBERAPA PERUBAHAN TERKINI

Walaupun orang Idahan masih menggunakan prinsip kekerabatan dalam mengagihkan sumber asli sarang burung, ternyata prinsip tersebut mempunyai beberapa masalah daripada segi keberkesannya sebagai alat pengawalan sosial, terutama sekali apabila bilangan orang Idahan bertambah, serta terdapat orang Idahan yang menetap di luar perkampungan tradisional mereka.

Selain itu kawasan gua juga tidak lagi menjadi kawasan yang terpencil dan jauh dari kawasan penduduk yang ramai. Kesannya kini ialah gua sarang burung sentiasa menerima kunjungan pelawat sepanjang tahun. Pada zaman dahulu jalan biasa yang digunakan untuk sampai ke Gua Madai dari Sepagaya dan kampung-kampung lain orang Idahan ialah jalan laut. Dengan menggunakan perahu layar, mereka yang ingin menuai sarang burung terpaksa

berlayar selama satu hari satu malam untuk sampai ke pantai Teluk Darvel. Dari situ mereka terpaksa pula berjalan kaki selama dua jam untuk sampai ke kaki bukit. Oleh kerana cara perhubungan yang agak sukar, kawasan Gua Madai jarang sekali dikunjungi oleh sesiapa pun kecuali pada musim menuai. Justeru itu di luar musim menuai, kawasan berkenaan menjadi lengang dan burung yang membiak tidak diganggu.

Semenjak akhir-akhir ini bentuk perhubungan Gua Madai dengan dunia luar menjadi lebih mudah kerana terdapat sebatang jalan gravel yang dibina dari gua itu ke laluan utama yang menghubungkan Lahad Datu dengan Tawau. Dengan itu, lebih ramai orang dapat sampai ke kawasan gua dengan lebih kerap pada bila-bila masa. Ini juga bermakna kawasan gua sudah tidak lagi menjadi kawasan lengang yang terhindar daripada gangguan manusia, termasuk mereka yang menceroboh dan mencuri sarang di luar musim menuai. Dalam keadaan sekarang, Gua Madai sudah menampakkan ciri-ciri penempatan yang tetap dengan binaan rumah yang lebih besar. Sejauhmana kehadiran penduduk yang semakin ramai menetap di persekitaran gua mempengaruhi kadar pembiakan burung layang-layang masih belum dapat dipastikan lagi.

Selain itu terdapat segolongan orang Idahan, terutama sekali remaja, yang menganggur. Ada di antara mereka yang menyusup masuk ke dalam gua untuk memungut sarang burung secara haram biarpun sarang tersebut belum matang lagi. Keghairahan melakukan kerja seperti ini digalakkan lagi oleh harga sarang burung yang semakin melambung di pasaran terbuka serta adanya pembeli di pasaran gelap.

Terdapat juga beberapa tanda awal bahawa orang tengah yang bukan daripada golongan Idahan mula membawa masuk pelaburan dari luar ke dalam ekonomi sarang burung dengan membuat pembelian awal daripada mereka yang berhak ke atas sesuatu lubang gua meskipun giliran mereka adalah dua tiga tahun di hadapan. Jumlah wang yang banyak itu dikatakan telah dibawa masuk dari Hong Kong dan Singapura. Urusniaga dalam bentuk pasaran hadapan itu biasanya tidak mendapat restu daripada jawatankuasa pewaris, tetapi terus juga dilakukan secara senyap-senyap di antara pemodal dengan mereka yang berhak menuntut penuaian sarang burung pada tahun berkenaan.

Penjualan sarang burung dalam bentuk pasaran hadapan ini boleh menimbulkan kesan tidak baik ke atas keberkesanan cara tradisional jawatankuasa pewaris menjaga kepentingan sumber sarang burung. Setakat mana kesannya ke atas kesepaduan dan semangat kekitaan orang Idahan dalam konteks moden tidak dapat diukur dengan tepat buat masa ini, kerana perkiraan utama sekarang telah beralih kepada setinggi mana harga sarang burung itu boleh dijual kepada pembeli dalam pasaran masa hadapan.

Secara umumnya pada masa ini tanggungjawab menuai yang sebenar telah diserahkan kepada sekumpulan pemungut yang mengkhusus dalam kerja ini. Mereka yang berhak menuntut hasil tuaian itu sebenarnya tidak perlu campur tangan secara langsung dalam urusan memungut kecuali datang sekali sekala

ke gua untuk memungut apa-apa baki daripada hasil jualan sarang yang telah dipungut setelah ditolak upah memungut, upah pengurusan jawatankuasa pemungut dan bayaran cukai kepada Jabatan Hutan.

Daripada segi hubungan kekerabatan, kaedah penuaian yang menggunakan khidmat “pemungut profesional” telah mengubah cara dan kekerapan berinteraksi di kalangan orang Idahan sebagai satu kumpulan kekerabatan yang besar dan pengesahan semula identiti etnik mereka. Sebagai perbandingan, pada zaman dahulu musim menuai adalah musim yang sangat bermakna bagi orang Idahan kerana pada musim inilah mereka dapat berkumpul beramai-ramai di kawasan gua. Pada ketika ini juga jalinan hubungan kekerabatan diperkuatkan semula kerana sanak saudara dari berbagai-bagai jurai keturunan akan bertemu. Ternyata bahawa musim menuai adalah masa yang paling baik bagi orang Idahan untuk menunjukkan kesepaduan sebagai satu kumpulan sosial yang mempunyai asas keturunan daripada nenek moyang yang sama dan juga sebagai satu kelompok sosial yang mempunyai ciri-ciri budaya yang tersendiri.

Kurangnya minat di kalangan generasi sekarang untuk berkumpul di gua pada musim menuai mungkin juga disebabkan oleh kemelesetan daripada segi pendapatan hakiki yang diterima oleh setiap orang dalam sesuatu jurai. Setelah beberapa keturunan jumlah keahlian dalam sesuatu jurai bertambah. Justeru itu hasil tuaian daripada lubang gua yang boleh dituntut oleh sesuatu jurai itu terpaksa diagih-agihkan kepada bilangan ahli yang lebih ramai. Kesannya ialah nilai mutlak dari segi wang yang boleh diterima oleh setiap orang itu semakin kecil jumlahnya. Di samping itu juga upah memungut dan bayaran membeli peralatan menuai semakin meningkat menyebabkan perolehan sebenar daripada hasil tuaian – setelah ditolak upah menuai dan perbelanjaan lain – menjadi semakin susut. Jumlah yang tidak seberapa ini kadang-kadang menyebabkan orang yang berhak menerima bahagiannya itu kurang berminat untuk pergi sendiri ke gua pada musim menuai. Kalau dahulu orang yang berhak ke atas hasil tuaian berduyun-duyun menunggu di pintu gua untuk mengambil bahagian masing-masing, tetapi sekarang lebih ramai orang suka menunggu di rumah masing-masing, tambah-tambah lagi apabila urusan memungut diserahkan kepada pemungut profesional dan jawatankuasa pewaris.

PENUTUP

Ekonomi sarang burung di kalangan orang Idahan mempunyai dua keistimewaan. Pertama, satu bentuk kawalan sosial diwujudkan bagi memastikan bahawa penuaian berlaku secara teratur supaya spesies burung yang menghasilkan sarang yang boleh dimakan tidak pupus. Justeru itu penuaian dilakukan pada musim yang terhad, sementara di luar musim kawalan yang ketat dikenakan bagi memastikan bahawa spesies burung yang sedang bersarang tidak diganggu.

Kedua, pengagihan hak menuai diasaskan kepada prinsip umum bahawa lubang gua bukan milik persendirian yang berkekalan tetapi milik sepunya orang Idahan sebagai satu kumpulan kekerabatan yang bersepadu. Peraturan ini membolehkan hampir setiap orang Idahan menikmati hak tahunan ke atas sarang burung secara bergilir-gilir mengikut keahlian mereka dalam jurai kekerabatan masing-masing. Jika sekiranya setiap lubang gua itu dimiliki oleh orang perseorangan secara berkekalan, maka kemungkinan besar sumber tersebut akan mengalami penuaian yang terlalu kerap sehingga boleh menjejaskan tahap pembiakan burung atau menyebabkan spesies burung pupus terus. Pemilikan secara kolektif pada peringkat komuniti yang lebih menyeluruh memastikan bahawa kawalan ke atas sumber tersebut dapat diselaraskan dengan lebih berkesan supaya berterusan untuk generasi akan datang.

Ternyata bahawa konsep penjagaan secara kolektif adalah lebih berkesan daripada konsep pemilikan perseorangan sebagai mekanisme pengawalan sosial ke atas ekonomi sarang burung. Yang menjadikan kawalan sosial ini lebih berkesan lagi ialah wujudnya jalinan hubungan kekerabatan yang rapat dan bersepadu di kalangan orang Idahan. Jalinan ini sangat penting dalam pemikiran umum orang Idahan kerana tuntutan ke atas hak menuai hanya boleh dibuat oleh seseorang jika terbukti keahliannya dalam mana-mana jurai kekerabatan orang Idahan.

Sebagai rumusan sistem kawalan sosial yang diamalkan oleh orang Idahan menjamin beberapa perkara: spesies burung tidak pupus; pengagihan hak menuai digilir-gilirkan mengikut prinsip kekerabatan; dan penyelarasan kerja-kerja menuai dilakukan dengan sistematik pada peringkat komuniti secara bersepadu.

Dimensi kekerabatan juga dapat dikaitkan dengan persepsi dan kesedaran etnik di kalangan orang Idahan. Oleh kerana keahlian dalam sistem kekerabatan orang Idahan menjamin hak ke atas penuaian sarang burung, maka bolehlah dikatakan bahawa ekonomi sarang burung dan identiti etnik orang Idahan saling berkaitan. Selagi orang Idahan terus mempertahankan identiti mereka sebagai satu kumpulan etnik yang bersepadu, selagi itulah hak tradisional mereka ke atas penuaian sarang burung dapat dinikmati sehingga ke generasi akan datang.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada beberapa orang yang telah banyak membantu sewaktu menjalankan penyelidikan di Gua Madai: Datuk Lamri Ali, Pengarah Taman-Taman Sabah, Encik Kasuari Ariff (Ketua Daerah Lahad Datu), Haji Ongah Langadai (Ketua Anak Negeri, Lahad Datu dan Pengerusi Jawatankuasa Pewaris Sarang Burung Madai, Baturung, Segarong dan Tepadung), Tuan Haji Imam Injir bin Panjang @ Ahmad, Datu Asibi bin Datu Agasi, Encik Abdul Karim Gurau, Encik Hamid Aong, Encik

Mohamad Yunus Kuyong (Ketua Kerani Mahkamah Anak Negeri, Lahad Datu), dan Haji Manap OK Usah (Ketua Pemungut, Gua Madai). Penghargaan juga diberikan kepada Asian-Pacific Center, Fukuoka, Jepun, kerana gran penyelidikan bagi membiayai kerja lapangan di Lahad Datu.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Din & Khairi Awang. 1989. Tropical forest resources in the development of Malay culture. Second International Conference on Malay Civilization, 15-20 August, Kuala Lumpur.
- Beccari, Odoardo. 1989. *Wanderings in the great forests of Borneo*. Cetakan Pertama 1904. Singapore: Oxford University Press.
- Burgess, P. F. 1961. Breeding of white-bellied swiftlet (*Collocalia esculenta*) in North Borneo. *The Sarawak Museum Journal* 10(17-18): 264-268.
- Burkhill, I. H. 1966. *A dictionary of the economic products of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture and Co-operatives.
- Davison, Geoffrey W. H. 1992. *Birds of Mount Kinabalu Borneo*. Kota Kinabalu: Natural History Publication and Koktas Sabah Berhad, Ranau.
- Gimlette, John D. 1929. *Malay poisons and charm cures*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Harrison, Tom & Harrison, Barbara. 1970. The prehistory of Sabah. *Sabah Society Journal* 4: 1-272.
- Holmes, Derek, & Nash, Stephen. 1990. *The birds of Sumatra and Kalimantan*. Singapore: Oxford University Press.
- Lim, Peter. 1995. Bird's nests: target of new crime wave. *The Sun*, 20 September.
- Moody, David & Moody, Marsha. 1990. The Ida'an. Dlm. *Social organization of Sabah societies*, Sherwood G. Lingenfelter (penyt.), Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives Department.
- Orolofo, P. 1961. Discovery of bird's nest caves in North Borneo. *The Sarawak Museum Journal* 10(17-18): 270-273.
- Smythies, Bertram E. 1981. *The birds of Borneo*. Edisi ke-3. Kota Kinabalu: The Sabah Society.
- Tan Bee Hong. 1995. Nests of goodness. *New Sunday Times (Sunday Style)*, 14 September: 7.
- Welly Liing, T. F., J. Soba, Chandradewana Boer, Aspian Noor, Adriani Samad & Rudy Nurhayati. 1994. Budidaya burung walet pada goa-goa sarang burung yang tidak lagi produktif (in situ). Third Biennial International Conference, The Borneo Research Council, Pontianak, Indonesia, 10-14 July.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan

